

Kpg Usaha Jaya Baru kawasan `panas` dadah

Posted on September 6, 2014, Saturday



BANTERAS: Pengerusi-pengerusi KRT bagi setiap cawangan Sibü merakamkan kenangan bersama penceramah dan pegawai selepas Bengkel Keselamatan Komuniti & Jom Ronda Versi 3.0, semalam. Turut kelihatan (dari empat kiri) Faizal, Wong, Susan, Bujang, Olive dan Yong.

SIBU: Kampung Usaha Jaya Baru, Jalan Sentosa Salim disifatkan sebagai kawasan 'panas' bagi gejala penagihan dan pengedaran dadah, kata Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kampung tersebut Olive Boll.

Ditemui semasa Bengkel Keselamatan Komuniti & Jom Ronda Versi 3.0 anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Bahagian Sibü di Sekolah Kebangsaan (SK) Sentosa Salim pagi semalam, Olive berkata kampung tersebut disifatkan 'panas' pada masa ini oleh pihak polis.

"Di kawasan Kampung Usahajaya Baru, memanglah dikatakan oleh pihak polis sebagai kawasan 'panas' pada masa kini.

"Panas yang saya maksudkan bukanlah kerana kes-kes bunuh atau sebagainya, tetapi 'panas' kerana gejala penagihan dadah, pengedaran pil-pil dan penyalahgunaan dadah," jelas Olive.

Menurutnya, beliau dan beberapa ahli Skim Rondaan Sukarela (SRS) Kampung Usahajaya Baru pernah terserempak dengan beberapa individu mencurigakan dipercayai sedang melakukan urusan jual beli dadah ketika menjalankan rondaan di sekitar kawasan kampung tersebut.

"Ketika kami membuat rondaan, kami sering kali terjumpa mereka (penagih dan pengedar dadah) sedang menjual pil-pil (dadah).

"Jadi kami akan segera menghubungi pihak polis kerana adalah menjadi bidang kuasa pihak polis untuk menangkap mereka," ujar Olive.

Olive turut menyatakan kesukaran untuk mengesan gejala dadah itu kerana modus operandi pengedar dadah yang sering berubah.

"Mereka (pengedar) tidak tertumpu pada satu tempat sahaja, tetapi sering berpindah-pindah kerana mereka takut dikesan oleh pihak berkuasa," jelasnya.

Sementara itu, ASP Wong Teck Kue dari Balai Polis Lanang berkata, pihak polis memantau rapi sekitar kawasan Kampung Usahajaya Baru apabila berjaya membuat banyak tangkapan berhubung gejala dadah.

“Polis Ibu Pejabat Daerah (IPD) Sibul Cawangan Narkotik dan Ketua Polis Daerah (KPD) memang telah mengarahkan mereka membuat rondaan di kawasan itu dan banyak tangkapan telah dibuat,” kata Wong ketika ditanya selepas menyampaikan ceramah mengenai Tatacara Tangkapan Orang Awam pada bengkel itu.

Beliau berkata, pihak polis akan meningkatkan operasi menangkap pihak bertanggungjawab dalam gejala tersebut, justeru menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat agar melaporkan kepada pihak polis di bilik gerakan yang berdekatan.

Turut menyampaikan ceramah ialah Pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Bahagian Sibul Suridah Saadi dan wakil dari Unit Keselamatan JPNIN Kuching Nurul Faizal Mohamad.

Turut hadir Pegawai Perpaduan Bahagian Sibul Susan Benet.